

# Mahathir gembira tetamu kaum Cina, India ajar anak bersalam

BH 28 DEC 2000

PUTRAJAYA, Rabu – Rakyat pelbagai kaum dan pelancong asing membanjiri kediaman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini sejak awal pagi ini, mengambil kesempatan menyampaikan salam Aidilfitri kepada beliau dan keluarga.

Sehingga lewat petang ini, lebih 30,000 orang mengunjungi kediaman rasmi Perdana Menteri, Seri Perdana di Putrajaya.

Dr Mahathir berkata, jumlah tetamu tahun ini lebih ramai berbanding hari raya sebelumnya dan beliau gembira kerana kebanyakan tetamu berbangsa Cina dan India mengajar anak mereka bersalam dan mengucap-

kan Selamat Hari Raya.

“Ramai anak kecil ini bersalaman dan mencium tangan, malah ada yang menyampaikan ucapan peribadi. Ini menunjukkan intergrasi budaya di kalangan pelbagai kaum di Malaysia sudah mula berakar umbi pada generasi muda.

“Ini adalah sesuatu yang boleh kita banggakan kerana rakyat biasa bergaul dengan begitu mesra sekali, hanya orang yang tidak tahu budaya Malaysia saja berpendapat bahawa budaya kaum Melayu, Cina dan India tidak bercampur.

“Cuma mereka yang tidak mahu bersikap tolak ansur gagal menerima hakikat ini tetapi saya ber-

pendapat majoriti masyarakat Malaysia bertolak ansur dan tak ada siapa boleh menafikan intergrasi rakyat Malaysia yang berbilang kaum,” katanya kepada pemberita selepas majlis Rumah Terbuka sesi pagi.

Turut mengiringi Dr Mahathir, isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan anak-anaknya.

Dr Mahathir berkata, tradisi kunjung mengunjung di kalangan rakyat pelbagai kaum seperti orang Melayu, Cina dan India pada perayaan mereka adalah suatu yang unik yang jarang terdapat di negara lain.

Katanya, rakyat harus bersyukur kerana kehidup-

an di sini rukun damai dengan setiap bangsa memahami budaya kaum lain dan sambutan perayaan setiap kaum diraikan dengan meriah oleh semua.

“Kita dapat perhatikan tadi di kalangan tetamu tadi ada kanak-kanak Cina dan India memakai baju Melayu. Ini dapat mengeratkan hubungan sesama kaum.

“Ini satu kelebihan di negara kita dan saya amat gembira dengan keadaan ini. Kita harus bersyukur hidup dalam suasana harmoni seperti ini,” katanya.

Perdana Menteri juga berkata, majoriti rakyat Malaysia mempunyai sikap bertoleransi yang mencerminkan hubungan baik

antara rakyat pelbagai kaum di negara ini.

“Jika tidak ada sesiapa yang mengacau rakyat, maka ini akan membantu integrasi rakyat berbilang kaum di negara ini.

“Cuma segelintir adalah orang yang tidak begitu toleran. Tetapi saya berpendapat bahawa di Malaysia ini majoriti rakyat begitu toleran sekali,” katanya.

Menurutnya, beberapa tetamu asing yang mengunjunginya turut menyuarakan rasa kagum terhadap budaya tempatan yang unik itu dan ingin merakamkan pengalaman mereka untuk ditunjukkan kepada rakan di negara sendiri.